

PENGUNJUNG berpeluang melihat helang laut perut putih berterbangan mencari makanan.

PEMANDANGAN indah di Taman Geoforest Kilim.



Langkawi masih destinasi fotografi pelancongan

SENI FOTO

Oleh
Aswad
Yahya



MERAKAM landskap, manusia dan budaya adalah sebahagian

daripada fotografi pelancongan. Ia memerlukan persediaan, fleksibiliti dan perhatian untuk bercerita di luar sekadar pemandangan.

Untuk memperoleh imej yang cantik, selidik destinasi dahulu, fokus pada butiran supaya gambar berjaya disampaikan kepada orang ramai.

Malaysia menawarkan banyak tempat menarik untuk dijadikan subjek fotografi pelancongan antaranya di Pulau Langkawi.

Pada 2007, pulau ini diiktiraf sebagai geopark global Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Pengiktirafan ini diberikan kerana kepelbagaian geologi, ekologi dan warisan budayanya.



SPESES monyet Long Tail Macaque bertenggek di pokok paya bakau.

Terdapat beberapa Taman Geoforest yang sering dikunjungi di pulau ini seperti Kilim Karst, Machinchang Cambrian dan Marmar Dayang Bunting.

Pulau Langkawi juga terkenal dengan keindahan pantainya seperti Cenang, Tanjung Rhu, Pasir Hitam, Kok dan Pantai Tengah.

Geoforest dan pantai-pantai ini sudah cukup untuk anda bawa pulang dengan pelbagai sudut fotografi pelancongan.

Di sini saya kongsi beberapa tips fotografi pelancongan:

- **Fokus pada cahaya:** Gunakan cahaya awal pagi dan lewat petang, yang dikenali sebagai waktu emas, untuk mencipta

imej yang lebih dinamik dan menarik.

- **Hubungan budaya:** Mendokumentasikan orang, adat resam dan sejarah memberikan kedalaman kepada fotografi anda.
- **Bercerita:** Fikirkan tentang keseluruhan cerita yang mahu diceritakan menerusi gambar.
- **Bersedia untuk segala kemungkinan:** Fotografi perjalanan memang mencabar kerana keadaan persekitarannya dan cuaca yang tidak menentu.

Selamat mencuba!

MENIKMATI panorama matahari terbenam menerusi aktiviti parasailing di Pantai Cenang.



SEBAHAGIAN bot menyusuri sungai di Taman Geoforest Kilim.